



03 OCT, 2019

foodpanda umum pendirian dalam masa terdekat

Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 2

foodpanda umum pendirian dalam masa terdekat

Kuala Lumpur: Syarikat penghantar makanan dalam talian, foodpanda dijangka mengumumkan pendirian berhubung kontroversi isu berkaitan skim pembayaran kepada penghantar mereka dalam tempoh terdekat.

Pengurus Bahagian Perhubungan Awam foodpanda Malaysia Sdn Bhd, Lisa Santa Maria, berkata pengumuman akan dibuat sejurus perbincangan bersama pihak berkaitan dimuktamadkan.

“Setakat ini, kita tidak akan memberi sebarang maklum balas mengenai isu ini kerana perbincangan bersama Kementerian Sumber Manusia serta Kementerian Belia dan Sukan sedang dijalankan.

“Kita akan teliti keputusan perbincangan ini terlebih dahulu, sebelum mengemukakan sebarang maklum balas mengenai isu berkenaan,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Beliau mengulas gesaan Menteri Belia dan Sukan, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman, kelmarin, supaya foodpanda mengembalikkan skim pembayaran terdahulu bagi menyelesaikan kemelut antara pihak pengurusan dan penghantar mereka.

Kelmarin, Syed Saddiq mengadakan dialog dengan penghantar foodpanda selepas menemui pengurusan syarikat berkenaan bagi membantu meleraikan isu berkenaan.

Isu membabitkan penghantar makanan foodpanda tercetus selepas beberapa klip video dan foto tersebar sejak beberapa hari lalu, antara lain memaparkan mereka melancarkan mogok kerana membantah pengenalan kadar baharu bayaran untuk pekerja.



03 OCT, 2019

foodpanda umum pendirian dalam masa terdekat

Berita Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Kuala Lumpur: Syarikat penghantar makanan dalam talian, foodpanda dijangka mengumumkan pendirian berhubung kontroversi isu berkaitan skim pembayaran kepada penghantar mereka dalam tempoh terdekat. Pengurus Bahagian Perhubungan Awam foodpanda Malaysia Sdn Bhd, Lisa Santa Maria, berkata pengumuman akan dibuat sejurus perbincangan bersama pihak berkaitan dimuktamadkan. "Setakat ini, kita tidak akan memberi sebarang maklum balas mengenai isu ini kerana perbincangan bersama Kementerian Sumber Manusia serta Kementerian Belia dan Sukan sedang dijalankan.